



**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

**SIARAN MEDIA**

**WANITA TUNJANG NEGARA DAN KELUARGA, SANTUNI MASYARAKAT  
MELALUI PUSPANITA**

---

Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) memainkan peranan besar kepada sektor Kerajaan yang bertindak sebagai jambatan penghubung sektor Kerajaan dengan pihak bukan Kerajaan dan masyarakat melalui pelaksanaan program-program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Kecil (PCK) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) meminta PUSPANITA menjadi pelengkap kepada sektor Kerajaan dalam menyantuni rakyat melalui penganjuran program-program kemasyarakatan seperti pemberian bantuan dan sumbangan kepada golongan rentan dan terpinggir.

“Peranan wanita penting dan relevan kepada negara apabila sebilangan besar wanita berperanan sebagai pemimpin dalam pelbagai profesion, sama ada di dalam sektor swasta mahupun awam termasuk di Jabatan Perkhidmatan Awam pada masa ini,” kata KPPA dalam ucapan perasmian Mesyuarat Agung PCK JPA tahun 2024.

PCK JPA mempunyai peranan yang sangat besar dalam merencanakan program melibatkan warga kerja JPA dan memberi manfaat kepada anggotanya. KPPA berharap PCK JPA akan terus aktif dan kreatif dalam menganjurkan pelbagai inisiatif dan program secara kerjasama strategik yang dapat memberikan manfaat kepada anggotanya serta menyantuni masalah masyarakat.

YBhg. Datin Sri Dr. Azlifah binti Bahari, Pengerusi PCK JPA menyeru semua ahli PCK JPA meneruskan komitmen dan kerjasama untuk meningkatkan kecemerlangan, imej dan prestasi PCK JPA. Beliau juga berharap semua perancangan aktiviti yang dipromosikan secara meluas dapat membina persepsi positif serta membentuk keterlihatan yang lebih jelas di mata ahli PUSPANITA khususnya dan penjawat awam amnya.

Pada majlis yang sama, Pengerusi PCK JPA turut merasmikan Sambutan Hari Wanita Peringkat JPA sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mac 2024 yang bertemakan “Wanita Dijulang Negara Gemilang”.

PUSPANITA berperanan untuk memberikan sokongan dan latihan bagi meningkatkan kemahiran dan keupayaan wanita dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, kesihatan, ekonomi, dan sosial yang akan dapat meningkatkan pengetahuan dan kesejahteraan wanita.

####

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh: 1 Mac 2024

E-mel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)

No.Rujukan: JPA.100-9/1/2 Jld.2 ( 62 )